

Headline	Kena 13 pertuduhan		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	14 Oct 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	24
Section	Setempat	Journalist	Muhamaad Razis
ArticleSize	333 cm ²		
PR Value	RM 39,204		



Kena 13 pertuduhan

■ Pengurus TNB mengaku tidak bersalah terima rasuah, ubah wang haram RM125,200

Muhamaad Razis Ismail
 razis@hmetro.com.my

Sorang pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kota Bharu dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap 13 tuduhan pengubahan wang haram dan memperoleh rasuah berjumlah RM125,200, tiga tahun lalu.

Tertuduh Arman Che Othman, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Nazri Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua tertuduh didakwa terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM9,000 pada 18 September 2013 dan 31 Disember 2013 serta RM55,200 pada 1 Januari 2014 dan 18 Oktober 2014 daripada akaun milik KS Maju Solution di Public Bank cawangan Wakaf Siku, Jalan Sultan Yahya Petra di sini.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan

Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta atau dipenjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga sehingga ke-13, tertuduh sebagai Pengurus TNB Tanah Merah didakwa memperoleh rasuah RM61,000 melalui akaun Public Islamic Bank atas nama KS Maju Solution daripada Muhamad Abdullah yang menjalankan kerja bagi pihak Syarikat Azam Jaya Enterprise sebagai upah meluluskan laporan kerja siap bagi beberapa projek.

Kesalahan dilakukan di tiga cawangan Public Bank Tanah Merah, Wakaf Siku dan Kota Bharu antara 17 September 2013 hingga 22 Julai 2014.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau ma-

na-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Mohd Asmawi Abu Hanapiyah menawarkan jaminan RM60,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun peguam Datuk Shukri Mohamed yang mewakili tertuduh memohon jaminan munasabah.

"Tertuduh masih bekerja di TNB Kota Bharu dan perlu menyara isteri dan anak. Sehubungan itu saya mohon satu jumlah jaminan yang munasabah," katanya.

Mahkamah membentarkan tertuduh diikat jamin RM40,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 15 November untuk pengurusan kes.

Headline	Kena 13 pertuduhan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	24
ArticleSize	333 cm ²	Journalist	Muhamaad Razis
PR Value	RM 39,204		

